

**GARIS PANDUAN**  
**PELAKSANAAN PELAN *DE-ESCALATION* FASA KEEMPAT BAGI**  
**PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN (*DINE-IN*) DI PREMIS-PREMIS**  
**MAKANAN**  
**BERMULA 17 OGOS 2020**

Perkhidmatan penyajian makanan secara *dine-in* bagi **premis-premis makanan seperti restoran, kafe, dan *food court*** hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

**BAGI PENGUSAHA PREMIS MAKANAN:**

1. Pengendali atau pengusaha premis makanan dikehendaki untuk mendapatkan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dan dilekatkan di kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelanggan sebelum masuk dan seurus sebelum meninggalkan premis;
2. Premis makanan boleh beroperasi pada kadar kapasiti seperti biasa;
3. Penyediaan makanan secara ***buffet* adalah dibenarkan dengan syarat makanan hendaklah dihidang (*serve*) oleh pekerja restoran, kafe atau *food court***;
4. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan sebelum memasuki premis makanan;
5. Pemilik premis-premis makanan mestilah memastikan pekerja-pekerja mereka yang mengendalikan dan menyediakan makanan untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
6. Pekerja premis makanan yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja;
7. Memastikan penjarakan fizikal dan sosial termasuk pelaksanaan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan seperti:-
  - 7.1 Premis makanan tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti ruang duduk *dine-in* dari kapasiti biasa (*normal capacity*);
  - 7.2 Premis makanan untuk menyediakan ruang atau barisan khas untuk perkhidmatan *takeaway*;
  - 7.3 Premis makanan untuk menyediakan *hand sanitiser*;
  - 7.4 Premis makanan dikehendaki untuk mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.

8. Mana-mana pengusaha-pengusaha premis makanan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204; dan
9. Pengusaha-pengusaha premis makanan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

**BAGI PELANGGAN PREMIS MAKANAN:**

1. Para pelanggan hendaklah mempunyai kod yang diperolehi melalui aplikasi Bruhealth sebelum mengunjungi premis makanan yang ingin dituju. Hanya pelanggan yang mempunyai kod warna yang betul iaitu hijau atau kuning akan dibenarkan masuk ke premis;
2. Orang ramai yang berhasrat untuk *dine-in* digalakkan untuk membuat tempahan tempat duduk terlebih dahulu; dan
3. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis makanan sehingga telah sembuh.